

16/08/2004

Dr Mahathir, isteri terima ijazah kehormat UMS

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS), akan menganugerahkan ijazah kehormat kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, di sini, pada 28 Ogos ini.

Dr Mahathir, yang bersara pada 31 Oktober lalu, akan menerima Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi, manakala Dr Siti Hasmah mendapat Ijazah Doktor Kehormat Falsafah (Pembangunan Sosial).

Majlis Konvokesyen Komemoratif itu akan diadakan di Dewan Canselor UMS di kampus tetapnya di Likas, bermula jam 8.30 pagi dan akan disempurnakan oleh Canselor universiti berkenaan, Tun Ahmadshah Abdullah.

(END)